

Oleh Khairina Yasin
 kayrina@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

PSPTN Fasa 1 capai matlamat

Pelaksanaan Fasa Satu 2007 - 2010, Projek Agenda Kritikal (CAP) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) berada pada tahap terbaik dan membanggakan apabila 22 CAP yang digariskan berjaya diterjemahkan kepada pencapaian yang signifikan bagi kemajuan pendidikan tinggi negara.

Paling ketara, kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan menerusi inisiatif pengantarabangsa terus diperkukuhkan dengan peningkatan jumlah pelajar asing yang berterusan sejak 2007 hingga 2010 kepada 86,919 orang. Perkembangan itu meletakkan Malaysia pada tangga ke-11 bagi jumlah pelajar antarabangsa tertinggi dunia berdasarkan laporan World Education Services 2007.

Usaha perkongsian ilmu dan pendedahan pelajar kepada dunia global turut diperluas menerusi pelaksanaan Program Mobiliti Pelajar yang membawa peluang kepada pelajar memperkayakan pengalaman antarabangsa dengan IPT dan organisasi luar negara.

Turut membanggakan ialah kejayaan pengiktirafan lima universiti penyelidikan (RU) dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Uni-

versiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia yang menyaksikan peningkatan kualiti pengajian tinggi dalam konteks pembelajaran dan pengajaran menerusi peratus pensyarah berkelayakan ijazah doktor falsafah (PhD) dan setaraf yang semakin meningkat.

Research Assesment Instrument (MyRA), iaitu sistem penilaian RU pula diwujudkan bagi menilai perkembangan dan pencapaian R&D institusi pengajian tinggi (IPT) menerusi bagi pelaksanaan sendiri institusi pengajian tinggi terhadap lapan kriteria RU.

Potensi maju

Dari aspek graduan pula, dapatan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) menunjukkan 75.4 peratus graduan berjaya memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi dan ia merangkumi graduan IPT awam (IPTA) dan swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti.

Sumbangan dan pencapaian IPTS juga cukup signifikan sebagai penyumbang kepada pembangunan, kemajuan



Majlis pelancaran IM4U oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Universiti Teknologi MARA.

dan transformasi pendidikan tinggi negara apabila empat kolej swasta berjaya dinaik taraf menjadi Kolej Universiti (KU), manakala tiga KU pula kepada universiti.

Bagi memastikan kualiti pendidikan terus menjadi keutamaan, Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) pula dibangunkan pada 2010 bagi menilai pencapaian setiap IPTS tempatan.

Pencapaian Program Pemanduan Ke Arah Kecemerlangan

(Apex) juga membanggakan dengan kejayaan penubuhan Centre for Engineering Excellence, Pusat Kajian Kelestarian Global, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Genom Getah Pertama di dunia dan Pusat Kolagen Halal Tercanggih.

Penambahbaikan

Di bawah inisiatif Aksesibiliti dan Kelestarian pula, pembiayaan pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berlandaskan prinsip syariah

iaitu kaedah Ujrah atau Upah dilaksanakan bagi meningkatkan imej dan keyakinan peminjam terhadap PTPTN.

Pelaksanaan itu turut membantu meningkatkan kadar pembayaran balik pembiayaan sekali gus memastikan PTPTN terus menyumbang ke arah pembangunan modal insan menerusi pembiayaan pendidikan berterusan.

Dari segi tadbir urus pula, langkah pemisahan Jabatan

membuat keputusan dalam memberi autonomi kepada IPTA berdasarkan kesediaan IPTA terbabit.

Perkembangan akademik

Langkah pemisahan politeknik dan kolej komuniti pula membawa kepada lonjakan pencapaian kedua-dua entiti terbabit menerusi agenda transformasi yang membawa kepada penubuhan tiga Politeknik Premier, Pelan Transformasi Politeknik selain pengenalan Program Sijil Modular Kolej Komuniti dan Program Pengukuhan Kolej Komuniti.

Inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pula semakin subur dalam kalangan masyarakat negara ini dan ia diperkukuhkan menerusi Blueprint Pembudayaan PSH Nasional 2011-2020 yang digubal dan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan.

Sebagai peneraju utama PSPTN, Kementerian Pengajian Tinggi bertindak memastikan sistem penyampaian terbaik merangkumi pemanapan tadbir urus, penguasaan sumber manusia dan kewangan yang lebih cekap, penggunaan optimum ICT dan pelaksanaan projek pembangunan menyeluruh serta peningkatan perkhidmatan berkaitan pelanggan.

Hasilnya, Kementerian Pengajian Tinggi diiktiraf sebagai kementerian bertaraf lima bintang dengan memperoleh markah 93.18 peratus, manakala beberapa amalan terbaik kementerian seperti MyMOHES yang dibangun bagi menyelaras dan meningkatkan kualiti data IPTA, penubuhan Majlis Profesor Negara dan SKPG dijadikan contoh kepada organisasi luar

Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti berjaya dilaksanakan selain pembangunan kerangka kesediaan pelaksanaan autonomi menerusi instrumen penilaian Universty Good Governance Index (UGGI) dan Activity Based Costing (ABC) bagi mengukur sistem tadbir urus IPTA mengikut amalan terbaik.

Hasil instrumen memberi gambaran sebenar kecekapan sistem kawalan dalaman dan tadbir urus di IPTA sekali gus memudahkan kerajaan